

PENGKONSEPSIAN MAKNA TAGHUT DARI PERSPEKTIF AL-QURAN

Rasyad Afif Ibrahim, Muhd Najib Abdul Kadir, &
Haziyah Hussin

ABSTRAK

Terdapat pelbagai kosa kata yang diperkenalkan al-Quran kepada bangsa Arab. Salah satunya ialah lafaz taghut. Pelbagai tafsiran dan simbolik digunakan untuk mengkonsepsikan lafaz tersebut. Kecairan yang tinggi pada lafaz taghut menyebabkan tafsiran dan simbolik tersebut berubah sejajar dengan peredaran zaman. Justeru kajian ini bermatlamat untuk meneliti unsur persamaan yang wujud pada setiap tamsilan taghut bagi mengeluarkan konsep sebenar yang dibawa oleh ungkapan taghut. Metodologi kajian ini ialah penggunaan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis dokumen. Kajian ini melibatkan penelitian terhadap pemerian makna taghut yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir. Kajian mendapati entiti yang layak digelar sebagai taghut hanyalah entiti yang diagungkan dan dipertuhankan selain Allah. Selain itu, pengaruh yang terhasil daripada taghut turut mempersepsi konsep taghut. Pemahaman mengenai konsepsi taghut ini dapat menolak tafsiran yang salah tentang taghut dan mengelakkan berlaku penyelewengan dalam penggunaan istilah taghut.

Kata Kunci: taghut, tafsir, istilah al-Quran, unsur persamaan makna.

CONCEPTUALIZATION OF TAGHUT FROM QURANIC PERSPECTIVE

ABSTRACT

There are varieties of vocabulary introduced by Quran to the Arabs. One of them is the word of taghut. Various interpretations and symbolic words used to conceptualize it. High liquidity in the word of taghut causes its interpretation and symbolic word change in line with the times. Thus, this study aims to investigate the similarities that exist in each image of taghut to produce real concept brought by the expression taghut. The methodology of this study is using qualitative methods with the approach of document analysis. The study involved on explanation about meaning of taghut contained in the books of

tafsir. The study found a viable entity to be called taghut is exalted entity and defended besides Allah. In addition, the effects resulting from taghut also perceive the concept of taghut. The understanding of this conception can reject false interpretations of taghut and avoid irregularities in the use of the term taghut.

Keywords: *taghut, interpretation, quranic term, similarity of meaning*

PENDAHULUAN

Penurunan al-Quran kepada masyarakat Arab memberi kesan positif kepada bahasa mereka. Al-Quran berjaya memperkembangkan dan mematangkan bahasa Arab dengan memperkenalkan uslub dan istilah-istilah baru yang unik dan indah. Terdapat beberapa istilah yang maksudnya berubah rentetan penurunan al-Quran kepada masyarakat Arab (Abū ʿUdah, 1985). Malah terdapat juga istilah-istilah baru yang diperkenalkan al-Quran kepada bangsa Arab (Ibn ʿĀshur, 1984) sekali gus memperbanyakkan lagi kosa kata mereka.

Melalui revolusi bahasa yang diberikan al-Quran kepada bahasa Arab, para sarjana menyedari bahawa terdapat ungkapan dan uslub al-Quran yang memiliki makna khusus yang masih tidak dikenali oleh bangsa Arab. Keadaan ini menyebabkan perbincangan lafaz al-Quran secara asasnya boleh dilihat dari tiga sudut iaitu, bahasa, syariat, dan adat kebiasaan Arab (al-ʿUwayd 1431H). Malah kosa kata yang diperkenalkan al-Quran boleh dikenali sebagai istilah islamik (Abū ʿUdah, 1985).

Kemasukan kosa kata al-Quran ke dalam bahasa Arab menyebabkan terdapat pengkaji yang berusaha mengumpul dan meneliti kosa kata tersebut secara ilmiah. Antara tokoh yang memberikan sumbangan yang jelas dalam bidang ini ialah al-Iṣfahānī (1997) dan al-Samīn al-Ḥalbī (1996). Kedua-dua tokoh tersebut telah mengumpul lafaz-lafaz al-Quran dan membincangkannya dari sudut bahasa, syariah dan adat kebiasaan Arab. Karya-karya dalam bidang *al-Wujūh wa al-Nazāʾir* juga turut mempunyai sumbangan dalam mengumpul kosa kata al-Quran. Antara pengkarya bagi bidang tersebut ialah al-Dāmaghānī (1980) dan Ibn al-Jawzī (1984).

Perbicaraan tentang kosa kata al-Quran masih berterusan sehingga kini. Masih ramai lagi pengkaji kontemporari yang berminat untuk menyingkap makna dan rahsia sebenar yang ada pada setiap kosa kata

al-Quran. Antaranya seperti kajian Mukarram (1996), al-Mālikī , Al-Sulṭanī (2005), al-Rājihī (2009), ʿAbd Allah dan ʿAbd al-Ṣamad (2011). Kajian mengenai konseptual lafaz taghut ini merupakan salah satu kajian yang mempunyai persamaan dengan kajian-kajian tersebut.

Permasalahan Kajian

Menurut Ibn ʿĀshūr (1984), taghut adalah salah satu ungkapan yang diperkenalkan al-Quran kepada umat Islam. Penggunaannya dalam al-Quran berulang sebanyak 8 kali (Abd al-Bāqī, 2001). Dari perspektif para pentafsir, taghut memiliki lima makna yang popular (al-Rāzī, 2000). Perkaitan istilah taghut dengan isu akidah (al-Rassī, 1433H) menyebabkan terdapat pelbagai pihak berusaha memperjelaskan makna taghut. Malah istilah taghut juga turut dimasukkan dalam perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu dan diertikan dengan tiga makna, iaitu sifat zalim yang melampaui batas, syaitan dan nama berhala (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013). Ini menunjukkan lafaz taghut merupakan lafaz yang memiliki banyak makna dan layak dimasukkan dalam kategori polisemi.

Ketiadaan makna yang konkrit terhadap istilah taghut menyebabkan ungkapan ini memiliki kecairan makna yang tinggi sehingga terdapat pelbagai tafsiran dan andaian dikaitkan dengannya. Imaduddin Abdurrachim misalnya berpendapat rokok merupakan salah satu bentuk bagi taghut (Dawam, 1996). Al-Zarqawi pula mentafsirkan *taghut* sebagai pemimpin zalim dan penentang negara Islam. Tafsiran ini menyebabkan wujud non-muslim yang mengkategorikan lafaz tersebut sebagai lafaz yang mampu membunuh (Fernandez, 2015). Malah ungkapan taghut juga menjadi ungkapan popular dan sensitif di arena politik tanah air (Badlihisham, 2015).

Selain itu, tindakan para penterjemah al-Quran tidak menggunakan makna konsisten bagi istilah taghut juga menjadi faktor ungkapan tersebut kabur dan sukar difahami. Interaksi para penterjemah al-Quran dengan ungkapan taghut boleh dilihat secara ringkas pada jadual 1.

Jadual 1: Terjemahan ungkapan taghut dalam 3 karya terjemahan al-Quran bahasa Malaysia

Keluaran	Terjemahan lafaz <i>taghūt</i>	Lafaz <i>taghut</i> yang tidak diterjemahkan
Yayasan Restu (2005)	▪ Syaitan ▪ berhala ▪ sembah orang kafir ▪ apa sahaja yang disembah melainkan Allah	2:257, 4:60, 39:17
Angkatan Tentera Malaysia (2015)	▪ Syaitan ▪ apa sahaja yang disembah melainkan Allah	2:257, 4:60, 4:76, 5:60, 16:36
Basmeih (2008)	▪ Syaitan	2:256, 2: 257, 4:51, 4:60, 5:60, 16:36, 39:17

Menurut Wittgenstein (1958), makna sesebuah perkataan tidak dapat diketahui secara tepat kecuali apabila konteks penggunaannya diteliti dan dikaji. Memandangkan ungkapan taghut ini merupakan ungkapan yang diperkenalkan oleh al-Quran, maka wajar dilihat konsep taghut yang sebenar berdasarkan konteks ayat al-Quran yang menggunakan istilah tersebut. Lebih-lebih lagi apabila taghut mempunyai perkaitan yang rapat dengan keimanan seseorang dan ia mampu memberikan kesan yang besar terhadap tindakan seseorang Muslim. Justeru, kajian ini berusaha memberi pengkonsepsian makna taghut berdasarkan perspektif al-Quran bagi mengelakkan berlaku salah faham atau penyelewengan terhadap ungkapan taghut.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen yang dilaksanakan terhadap kitab-kitab tafsir terkemuka. Data yang di analisis ialah tafsiran para ulama berkaitan ayat-ayat al-Quran yang menggunakan istilah taghut. Dalam erti kata lain, kajian ini tidak meninjau ayat-ayat al-Quran yang menggunakan derivasi taghut. Disebabkan itu, ayat al-Quran yang terlibat dengan kajian ini ialah 8 ayat sahaja. Perbincangan difokuskan kepada pemerian makna taghut yang dinyatakan oleh para pentafsir. Melalui analisis terhadap pemerian tersebut, unsur persamaan pada setiap makna taghut

dikeluarkan sekali gus aspek yang mengkonsepsikan istilah taghut dapat dikenal pasti.

Pemerian ungkapan taghut

Disebabkan taghut merupakan satu istilah yang diperkenalkan al-Quran kepada masyarakat Arab, maka berlaku pelbagai polemik di kalangan para sarjana tentang hakikat ungkapan ini. Terdapat dua aspek yang sering dibincangkan oleh mereka, iaitu:

Etimologi Ungkapan Taghut

Perbincangan mengenai etimologi taghut sering berlegar pada empat perkara, iaitu asal perkataan, kategori kata, gender dan bilangan. Terdapat dua atau tiga pandangan sarjana yang selalu dikaitkan dengan empat perkara tersebut.

Asal Perkataan

Para sarjana berselisih pendapat tentang asal perkataan taghut (Elsaid & Muhammad, 2008). Terdapat ulama yang beranggapan bahawa taghut tidak berasal daripada bahasa Arab. Golongan ini mendakwa ungkapan tersebut merupakan bahasa penduduk Ethiopia yang bermaksud tukang tilik (al-Suyūṭī, 1974). Pandangan ini berpegang bahawa ungkapan taghut merupakan ungkapan yang diarakkan dan berdiri atas pola (*wazan*) *fā'ūl* (Ibn ʿAshur, 1984). Pendapat ini dikuatkan lagi dengan kewujudan ungkapan lain yang diarakkan dan mempunyai pola yang sama dengan taghut seperti *ṭālūt*, *jālūt*, *hārūt* dan *mārūt* (al-Qurṭubī, 1964; al-Shawkānī, 1414H).

Manakala, terdapat sarjana lain yang beranggapan bahawa lafaz taghut merupakan lafaz yang berasal dari bahasa Arab. Golongan yang berpegang dengan pandangan ini menyimpulkan bahawa ungkapan taghut berasal daripada lafaz *ṭaghā* (طغى) (al-Iṣfahānī, 1997). Dari sudut bahasa, perkataan *ṭaghā* boleh diertikan sebagai melampaui batas (al-Jawharī, 1987) dalam hal ehwal maksiat (al-Iṣfahānī, 1997; Ibn Fāris, 1979). Lafaz ini juga boleh diertikan sebagai ekstrem dalam kekufuran dan menaik (Ibn Manẓur, t.th.). Menurut pandangan ini, taghut merupakan hiperbola bagi lafaz *ṭaghā* (al-Ṭabarī, 2000). Ia terbentuk dengan menggunakan pola *fa'ālūt*. Namun berlaku perselisihan pendapat sama ada lafaz *ṭaghā* tersebut wajar ditasrifkan kepada *yaṭghā* (يطغى) atau *yaṭghū* (يطغون) (Ibn ʿAṭīyyah, 1422H). Keadaan ini menyebabkan para sarjana berbeza pendapat sama ada

istilah taghut terbentuk dari perkataan *ṭaghayūt* atau *ṭaghawūt* (al-Iṣfahānī, 1997). Mahupun begitu, hasil daripada proses *ibdāl* dan *i'qāl*, kedua-dua ungkapan tersebut berjaya menghasilkan ungkapan yang sama, iaitu taghut (Ibn Manẓūr, t.th.).

Kategori Kata dan Gender

Golongan yang menganggap taghut berasal daripada bahasa Arab mengkategorikan ungkapan taghut sebagai kata nama. Namun berlaku perbezaan pendapat penentuan kategori kata nama bagi istilah ini. Menurut al-Alūsī (1415H) dan (Ibn ʿAṭīyyah, 1422H), Sibawayh memilih untuk mengkategorikan taghut sebagai kata nama jenis (*ism al-jins*). Selaras dengan penentuan ini, para ulama berselisih pendapat ketika menetapkan gender bagi kata nama jenis ini. Ini kerana kata nama dalam bahasa Arab perlu memiliki unsur gender (al-Ghalāyībī, 1989). Dalam hal ini, Sibawayh berpandangan taghut bersifat maskulin (*muzakkar*) (al-Alūsī 1415H). Manakala Ibn Zayd (al-Ṭabarī, 2000), al-Akhfash (al-Qurṭubī 1964; al-Shawkānī, 1414H), dan al-Sīrāfī (2008) berpandangan taghut merupakan kata nama jenis yang bersifat feminin (*mu'annath*).

Dalam pada itu, terdapat sarjana yang berpandangan taghut wajar dimasukkan dalam kategori kata terbitan (*maṣḍar*). Menurut al-Alūsī (1415H), pandangan ini merupakan mazhab Abū ʿAlī al-Fārisī. Melalui pandangan ini, taghut boleh dianggap sebagai maskulin dan feminin. Ini kerana kata terbitan tidak terikat dengan gender khusus (al-Harārī, 2001). Disebabkan itu, tiada perselisihan gender dikemukakan oleh sarjana yang berpegang dengan mazhab ini. Pandangan ini secara tidak langsung mampu memberikan penjelasan mudah tentang tindakan al-Quran menggunakan unsur feminin dan maskulin ketika menyatakan tentang taghut.

Bilangan

Berdasarkan mazhab al-Mubarrad, taghut merupakan kata nama jamak (Ibn al-Sirāj, 1988). Namun pandangan ini ditolak oleh Ibn ʿAṭīyyah (1422H) dan al-Fārisī (al-Rāzī, 2000). Pandangan kedua pula melihat taghut sebagai kata nama mufrad yang boleh digunakan untuk mufrad dan jamak. Antara ulama yang berpegang dengan pendapat ini ialah Sibawayh (1988), al-Akhfash (1990), dan al-Sīrāfī (2008). Pendapat ketiga pula tidak menetapkan sifat jamak atau mufrad bagi ungkapan taghut. Pendapat ini dipegang oleh ulama yang menganggap taghut merupakan sebuah kata terbitan.

Terminologi ungkapan taghut

Selain daripada perselisihan pendapat tentang etimologi istilah taghut, para ulama juga berselisih pendapat dalam memberikan pentafsiran bagi lafaz taghut. Menurut al-Alūsī (1415H), terdapat lima tafsiran popular ulama salaf yang sering dikaitkan dengan definisi taghut, iaitu:

1. Syaitan. Menurut al-Ṭabarī (2000), pandangan ini merupakan pandangan ʿUmar al-Khaṭṭāb, Mujāhid, al-Shāʿbī, al-Ḍaḥḥāk, Qatādah dan al-Suddī. Menurut al-Alūsī (1415H), pandangan ini turut disandarkan kepada al-Ḥusayn bin ʿAlī.
2. Tukang tilik. Berdasarkan laporan al-Ṭabarī (2000), pandangan ini disandarkan kepada Raḡʿ dan Ibn Jurayj. Al-Alūsī (1415H) pula menambah dua tokoh lain yang berpegang dengan pandangan ini iaitu Saʿīd bin Jubayr dan ʿIkrimah.
3. Ahli Sihir. Pandangan ini disandarkan kepada Abu al-ʿAliyah (al-Ṭabarī, 2000; al-Alūsī, 1415H) dan Muhammad bin al-Sirrīn (Ibn al-Jawzī, 1422H)
4. Setiap sesuatu yang disembah melainkan Allah. Pandangan ini dikeluarkan oleh Mālik bin Anās. (al-Alūsī, 1415H)
5. Berhala. Pendapat ini disandarkan kepada al-Zajjāj dan al-Yāzīdī (Ibn al-Jawzī, 1422H). Terdapat juga riwayat dari ʿIkrimah yang menyokong pendapat ini (al-Ṭabarī, 2000).

Selain daripada lima pendapat tersebut, Ibn al-Jawzī (1984) dan al-Dāmaghānī (1980) melaporkan terdapat satu makna lain yang turut dikaitkan dengan lafaz taghut, iaitu Kaʿab bin al-Asyraf. Namun apabila diteliti, identiti Kaʿab bin al-Asyraf boleh dimasukkan dalam golongan tukang tilik. Ini kerana taraf beliau hampir sama seperti tukang tilik di zaman tersebut (al-Samarqandī, t.th.; al-Baghawī, 1997). Disebabkan itu, makna ini tidak tersenarai dalam makna popular yang dinyatakan al-Alūsī (1415H)

Menurut Ibn ʿAṭīyyah (1422H), al-Thaʿālibī (1996) dan al-Alūsī (1415H), perbezaan pendapat tentang terminologi istilah taghut pada hakikatnya merupakan perbezaan dari sudut simbolik sahaja. Ia berlaku disebabkan kecenderungan para ulama yang berbeza dalam pemilihan tamsilan paling tepat yang boleh menjelaskan hakikat taghut secara jelas. Oleh sebab itu, perselisihan ini dianggap perselisihan berunsurkan kepelbagaian (*tanawwu*). Perkara terbukti apabila

terdapat sarjana yang cenderung untuk tidak mentarjihkan pendapat-pendapat tersebut. Antara mereka ialah Abū Ḥayyān (2001), al-Suyūṭī (1993), al-Shawkānī (1414H) dan al-Alūsī (1415H).

Sejajar dengan perkembangan zaman, wujud pengkaji yang memberikan simbolik baru bagi ungkapan taghut. Khususnya apabila terdapat simbol taghut yang tidak berjaya mengekalkan pengaruh mereka sehingga menyebabkan ia tidak lagi memegang martabat yang tinggi di kalangan masyarakat. Keadaan ini menyebabkan simbolik tersebut tidak lagi mampu memberikan gambaran sebenar tentang konsep taghut. Contohnya seperti ahli sihir dan tukang tilik yang tidak lagi mendapat posisi terhormat dalam masyarakat moden. Antara tafsiran baru yang diberikan kepada ungkapan taghut ialah:

1. Pemimpin yang tidak mematuhi dan mengikuti undang-undang Allah. (Sayd Quṭb, 1412H; ‘Izz al-Dīn, 2014).
2. Undang-undang yang bertentangan dengan Islam dan penciptanya (al-Faqqī, 1957; Bin Bāz et al., t.th.).
3. Wang (Ibn Taymiyyah, 2005).
4. Nafsu jahat (al-Baqā‘ī, t.th.).
5. Kubur yang disembah (Hamka, 1988).
6. Ulama yang menyesatkan (al-‘Uthaymīn, 2006).
7. Tirani (M.Quraish, 2000).
8. Rokok (Dawam, 1996).

Makna simbolik istilah *Taghut*

Menurut al-Rāzī (2000) dan Abū Ḥayyān (2001), kesemua simbolik yang dikemukakan oleh para ulama pada hakikatnya memiliki unsur yang sama. Persamaan tersebut perlu diserlahkan bagi memastikan perkembangan makna taghut dapat dikawal dan diselia sekali gus mengelakkan berlaku penyalahgunaan istilah taghut oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Lebih-lebih lagi apabila wujud pelbagai entiti digunakan oleh para pengkaji masa kini dalam menggambarkan hakikat taghut kepada masyarakat.

Memandangkan taghut merupakan ungkapan yang diperkenal dan dimasyhurkan oleh al-Quran (Ibn ‘Āshur, 1984), maka wajar dikeluarkan unsur persamaan tersebut melalui tinjauan terhadap ayat-ayat al-Quran dan tafsiran para mufasir. Ini bagi memastikan tiada unsur luar yang tidak asli boleh mempengaruhi konseptual taghut yang

diperkenalkan al-Quran. Berdasarkan pandangan para pentafsir salaf, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga entiti yang sering menjadi simbol bagi istilah taghut, iatu:

Berhala

Dalam bahasa Arab, berhala yang diukir dan mempunyai rupa dikenal sebagai *al-aṣnām*. Manakala berhala yang tidak diukir dan tidak mempunyai rupa atau bentuk khusus tergolong dalam *al-authān* (al-Zabīdī, t.th.). Ini bermakna, sembah masyarakat yang berfahaman animisme layak dinamakan sebagai *al-authān*. Konsep berhala boleh dirangkumkan kepada setiap sesuatu yang disembah sama ada sembah tersebut dalam bentuk patung, pokok, batu dan alam sekitar. Berhala-berhala tersebut disembah dan dipuja sehinggakan wujud ritual dan korban khusus dilakukan oleh penyembah berhala sebagai simbol pemujaan mereka. Masyarakat Arab misalnya merenjisikan darah binatang korban mereka dan mengoyakkan daging-daging korban untuk dipersembahkan kepada berhala mereka (al-Ṭabarī, 2000).

Antara ayat yang jelas mengaitkan istilah taghut dengan berhala ialah ayat 51 surah al-Nisa'. Ayat tersebut diturunkan sejajar dengan peristiwa golongan Yahudi yang sanggup bersujud kepada berhala kaum musyrikin dan mengakui ketuhanannya mahupun mereka mempunyai kitab suci (Ibn ʿĀshur, 1984; Abu Zahrah, t.th.). Taghut pada ayat 60 surah al-Mā'idah juga sesuai ditafsirkan sebagai berhala. (al-Bayḍāwī, 1418H). Al-Nasafī (1998) pula memilih untuk mentafsirkan *taghut* pada ayat tersebut sebagai patung anak lembu. Perkara ini sejajar dengan kisah yang diceritakan al-Quran dalam surah al-Baqarah tentang jenayah Bani Israel yang mensyirikkan Allah dengan menyembah patung tersebut.

Ahli Sihir dan Tukang Tilik

Ahli sihir dan tukang tilik merupakan golongan yang mendapat tempat dalam masyarakat Jahiliyah. Mereka berperanan sebagai doktor, pentafsir mimpi, penilik, dan hakim di kala berlaku perbalahan (Jahid, 2004). Mereka juga dianggap sebagai golongan penting dalam agama dan kepercayaan masyarakat (al-Jundī, 1991). Keadaan ini berlaku disebabkan masyarakat pada ketika itu terputus daripada ajaran para nabi dan rasul (Ibn Ḥajar, 1379H). Masyarakat yang jahil gemar mengangkat golongan ahli sihir dan tukang tilik. Ia didasarkan dari perasaan kagum mereka terhadap kelebihan yang ditunjukkan oleh

tukang tilik dan ahli sihir. Hasilnya mereka menganggap golongan tersebut merupakan golongan yang mengetahui perkara-perkara ghaib, wajib dipercayai dan mempunyai kuasa-kuasa istimewa (al-Saqqāf, t.th.).

Kepercayaan ini secara tidak langsung membuatkan golongan tersebut diagungkan dan dijadikan rujukan dalam kehidupan. Sehingga tuah dan bala yang menimpa masyarakat juga dianggap mempunyai kaitan dengan ahli sihir dan tukang tilik (Nawfal, 1981).

Pengagungan ini secara jelas bertentangan dengan akidah Islam dan boleh menjejaskan iman seseorang. Bagi mengelakkan perkara tidak sihat ini menjadi semakin parah, Islam melarang umatnya dari mendapatkan sebarang bantuan daripada mereka (al-Ḥakmī, 1990; al-Fawzān, 2002). Sifat bergantung harap pada *taghut* jenis ini dapat dilihat pada ayat 60 surah al-Nisā'. Ayat ini merupakan teguran kepada golongan munafik yang tidak mahu merujuk Rasulullah untuk menyelesaikan masalah mereka. Mereka lebih sanggup untuk merujuk Abū Bardah al-Aslamī yang merupakan salah seorang tukang tilik Yahudi (al-Rāzī, 2000).

Mengikut salah satu riwayat, individu yang ingin dirujuk oleh mereka ialah Ka'ab bin al-Asyraf yang setaraf dengan tukang tilik Yahudi (al-Baghawī, 1997). Tindakan golongan munafik ini berpunca daripada keimanan mereka yang lemah. Mereka lebih dipercayai dan mengagungkan tukang tilik berbanding Nabi Muhammad. Ketidakpercayaan mereka ini berlaku disebabkan mereka masih belum beriman dengan sebenar-benar iman. Mereka juga masih tidak mampu meninggalkan adat kebiasaan merujuk tukang tilik ketika menghadapi sesuatu masalah.

Syaitan

Syaitan merupakan kata nama umum. Setiap perosak, penggoda, pelampau, dan pengingkar layak dinamakan syaitan. Setiap sesuatu yang memenuhi sifat-sifat tersebut layak dinamakan syaitan sama ada berbentuk manusia atau tidak (Ibn Manẓur, t.th.). Namun syaitan yang sering dimaksudkan al-Quran ialah iblis dan kuncu-kuncunya (al-Kafawī, 1998). Keadaan ini menjadikan makna tersebut lebih popular berbanding makna-makna syaitan yang lain.

Makna ‘syaitan’ mampu merangkumkan kesemua makna-makna yang dinyatakan oleh para pentafsir. Malah makna syaitan boleh digunakan pada setiap ayat yang menggunakan ungkapan taghut (al-Nasafī, 1998). Ini kerana pemujaan dan pengagungan terhadap sesuatu selain Allah pada hakikatnya merupakan pemujaan kepada syaitan (Abū al-Su‘ūd, t.th.). Apabila seseorang itu mengagungkan berhala, ahli sihir, tukang tilik atau sesuatu selain dari Allah maka dia telah memuja syaitan.

Selain itu, setiap entiti yang menjadi tamsilan bagi taghut mempunyai kaitan yang rapat dengan syaitan. Penyembahan berhala atau sesuatu selain Allah hakikatnya merupakan tipu daya syaitan (Ibn ‘Aṭīyah, 1422H; al-Nasafī, 1998). Kekuasaan dan keajaiban yang dimiliki oleh ahli sihir dan tukang tilik merupakan hasil interaksi mereka syaitan (al-Saqqāf, t.th.). Ini menunjukkan bahawa syaitan merupakan makna umum bagi konsep taghut. Khususnya apabila golongan yang menyanjung sesuatu selain Allah dianggap menyanjung dan mengangkat syaitan. Disebabkan itu, Abu Buṭayn mengkategorikan syaitan sebagai taghut yang paling besar (Ālī Firāj, 2005).

Unsur Kesatuan pada Tamsilan Taghut

Kajian mendapati bahawa unsur persamaan yang wujud pada setiap entiti yang menjadi simbol taghut ialah kesemuanya menjadi sembah atau diagungkan oleh manusia yang tidak beriman. Berhala merupakan entiti yang disembah oleh musyrikin. Terdapat juga penganut agama lain yang menjelmakan tuhan mereka dalam bentuk berhala (Mohd Rosmizi, Wan Mohd Fazrul Azdi, Marina Munira, & Roslizawati, 2011). Ahli sihir dan tukang tilik diagungkan oleh sebahagian masyarakat purba khususnya apabila golongan tersebut dianggap mempunyai kuasa sakti dalam pelbagai aspek kehidupan (Nawfal, 1981). Penyembahan kepada syaitan pula berlaku apabila seseorang itu menyembah entiti selain daripada Allah. Malah terdapat golongan seperti ahli sihir dan tukang tilik yang sanggup meminta bantuan daripada syaitan demi memuaskan nafsu jahat masing-masing (al-Rāzī, 2000).

Selain itu, unsur penyembahan juga menjadi isu yang sering ditekankan dalam ayat-ayat al-Quran yang menggunakan lafaz taghut. Ayat tersebut ialah ayat 51 surah al-Nisā’, ayat 60 surah al-Mā’idah, ayat 36 surah al-Nahl, dan ayat 17 surah al-Zumar. Ayat 51 surah al-Nisā’ mempunyai kaitan dengan tindakan golongan Yahudi yang

sanggup sujud kepada berhala musyrikin Mekah (Ibn ʿĀshur, 1984). Ayat 60 surah al-Mā'idah mengisahkan jenayah Bani Israel yang menyembah berhala berbentuk lembu (al-Bayḍāwī, 1418H). Ayat 36 surah al-Naḥl dan ayat 17 surah al-Zumar melibatkan larangan menyembah selain daripada Allah (Ibn ʿAṭiyyah, 1422H; Ṭanṭāwī, 1997). Ini bermakna unsur penyembahan dan pengagungan merupakan profil utama yang cuba diserlahkan melalui istilah taghut.

Unsur penyembahan dan pengagungan ini juga turut disedari oleh beberapa sarjana Islam. Kesedaran ini membuatkan mereka memberikan definisi umum kepada ungkapan taghut untuk mengelakkan berlaku penyelewengan terhadap ungkapan tersebut. Antara ulama yang memilih untuk memberikan makna umum bagi istilah taghut ialah al-Ṭabarī (2000), Ibn ʿAṭiyyah (1422H), Ibn Taymiyyah (2005), Ibn al-Qayyim (1973) dan Āli Shaykh (t.th.). Kesemua mereka bersepakat untuk mentakrifkan taghut sebagai sesuatu yang disembah dan diagungkan melainkan Allah. Melalui takrifan tersebut, maka perkembangan simbolik taghut dapat dikawal dan dikembangkan sesuai dengan hakikat taghut yang sebenar.

Pengaruh taghut

Konsep taghut juga perlu dijelaskan melalui tinjauan terhadap kesan-kesan yang terhasil daripada interaksi manusia dengan taghut. Ini kerana kewujudan taghut semakin bermakna apabila ia berjaya mencapai matlamatnya dan mampu mempengaruhi manusia. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang menggunakan lafaz taghut, terdapat tiga perkara yang layak dikategorikan sebagai pengaruh taghut pada manusia, iaitu:

Kekufuran

Kufur merupakan antonim kepada iman (al-Azharī, 2001). Seseorang itu dianggap kafir apabila dia mengingkari ketuhanan Allah dan kenabian Nabi Muhammad (Ibn Ḥazm, t.th.). Melalui taghut, seseorang itu boleh terjebak dalam kekufuran dan terhalang daripada cahaya keimanan. Perkara ini dijelaskan dalam ayat 256 surah al-Baqarah, maksudnya:

Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah,

maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (al-Baqarah: 256)

Ayat di atas mengisyaratkan kepada umat Islam bahawa taghut mampu menghalang iman masuk ke dalam hati manusia . Jika mereka menjauhi dan meninggalkan taghut, mereka kekal berada di jalan yang benar dan kukuh (Abu Zahrah, t.th.). Ini menunjukkan bahawa *taghut* mampu memberikan kesan negatif terhadap keimanan seseorang Muslim. Malah ia juga boleh membuatkan seseorang itu kekal dalam kekufuran dan tidak mampu merasai nikmat keimanan. Khususnya apabila iman merupakan antitesis bagi taghut. Kedua-duanya tidak boleh bersama. Taghut menyebabkan pembentukan iman terbantut dan dicemari. Melalui penyingkiran taghut, iman dapat dibentuk dengan sempurna. Jika *taghut* dibiarkan bebas, maka kekufuran bakal tersebar dan secara tidak langsung menjejaskan keimanan seorang Muslim yang lemah. Perkara yang sama juga dinyatakan dalam ayat 257 surah al-Baqarah, maksudnya:

Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. (al-Baqarah 257)

Ayat 257 ini menjelaskan tentang kemampuan taghut membawa manusia kepada kekufuran (al-Shawkānī, 1414H). Malah dikatakan bahawa ayat ini ditujukan kepada golongan murtad (al-Bayḍāwī, 1418H; Abū al-Suʿūd, t.th.). Taghut boleh membuatkan kesesatan terbentuk dalam hati seseorang sehingga ia menjadi gelap dan jauh daripada cahaya fitrah (Abu Zahrah, t.th.). Malah kemampuan taghut yang dinyatakan dalam ayat ini menyebabkan golongan muktazilah mempercayai bahawa kekufuran itu bukan dicipta oleh Allah akan tetapi dicipta oleh taghut (al-Rāzī, 2000). Kesinoniman *taghut* dengan kesesatan dan kekufuran juga dijelaskan pada ayat 36 surah al-Naḥl, maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya. (al-Nahl: 36)

Menurut al-Nasafi (1998), apabila seseorang itu menolak seruan Rasul dan kekal taat kepada taghut, maka keberadaan mereka dalam kesesatan merupakan sesuatu yang pasti. Perkara ini dapat dilihat pada umat-umat terdahulu seperti kaum ʿĀd dan Thamūd yang berkeras untuk kekal menyembah dan mentaati taghut. Kedegilan mereka menyebabkan mereka mati dalam kesesatan dan mendapat azab seksa yang membinasakan (Abū al-Suʿūd, t.th.).

Kesyirikan

Syirik ialah mewujudkan sekutu bagi Allah dari ketuhanan dan kekuasaannya (al-Azharī, 2001). Golongan yang syirik merupakan golongan yang mempertuhankan makhluk atau mengagungkan makhluk seolah-olah ia adalah Tuhan (al-Saʿdī, 2000). Kepercayaan kepada taghut mampu membuatkan seseorang itu terjebak dengan jenayah syirik. Contoh kesyirikan ini direkodkan dalam ayat 52 surah al-Nisāʾ, maksudnya:

Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari Kitab (Taurat)? Mereka percaya kepada benda-benda yang disembah yang lain dari Allah, dan kepada Taghut, dan mereka pula berkata kepada orang-orang kafir (kaum musyrik di Makkah) bahawa mereka (kaum musyrik itu) lebih betul jalan ugamanya daripada orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad s.a.w). (al-Nisāʾ: 51)

Mahupun golongan Yahudi telah dikurniakan kitab Taurat sebagai pembimbing mereka, namun mereka tetap mengetepikan Allah dan mendahulukan taghut (Abu Zahrah, t.th.). Al-Saʿdī (2000)

mengkategorikan jenayah yang dilakukan oleh golongan Yahudi dalam ayat ini ialah jenayah syirik, iaitu menyembah sesuatu selain daripada Allah dan mematuhi kehendak syaitan. Tindakan mereka yang mengagungkan entiti selain daripada Allah dan taat kepada entiti tersebut menyebabkan mereka terbabit dalam dosa mensyirikkan Allah dan mengingkari para rasul (al-Ṭabarī, 2000)

Berdasarkan ayat ini, sesuatu yang diagungkan secara melampaui batas boleh membawa kepada kesyirikan kepada Allah. Disebabkan itu, Hamka (1988) menganggap tindakan mengagungkan dan menyucikan individu tertentu sehinggakan dijadikan tempat memuja dan meminta merupakan satu bentuk taghut yang berlaku pada zaman kini. Taghut bentuk ini akhirnya membawa kepada aktiviti-aktiviti mensyirikkan Allah. Ini kerana taghut itu dianggap mempunyai kuasa setanding dengan Tuhan sekali gus menyebabkan berlaku rampasan hak ketuhanan daripada Allah.

Unsur kesyirikan ini juga boleh dilihat pada ayat 60 surah al-Nisā' dan ayat 60 surah al-Mā'idah. Kepercayaan golongan munafik kepada taghut menyebabkan mereka membelakangkan Rasulullah dan mencari jalan penyelesaian dengan merujuk kepada taghut. Keinginan Bani Israel terhadap tuhan yang mempunyai rupa bentuk menyebabkan mereka sanggup menyembah berhala mahupun mereka beriman kepada Allah (Hamka, 1988). Kedua-dua jenayah tersebut merupakan mempunyai kaitan dengan jenayah syirik. Dua golongan tersebut sanggup menduakan Allah sama ada dari sudut kekuasaan dan ketuhanan. Penduaan ini merupakan satu bentuk kesyirikan yang terjadi hasil dari interaksi mereka dengan entiti yang dinamakan taghut.

Kemaksiatan dan Kezaliman

Golongan yang mempunyai iman yang kukuh sentiasa merasa takut untuk melakukan maksiat dan kezaliman (al-Sa'dī, 2000). Memandangkan *taghut* boleh menjejaskan iman seseorang, secara tidak langsung ia juga boleh menggalakkan berlaku kezaliman dan kemaksiatan. Disebabkan itu, al-Quran menggambarkan peperangan yang dilakukan bertentangan dengan jalan Allah sebagai peperangan di jalan taghut (al-Rāzī, 2000). Perkara ini tercatat pada ayat 76 surah al-Nisā', maksudnya:

Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan Taghut (Syaitan). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut Syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya Syaitan itu adalah lemah. (al-Nisa': 76)

Menurut al-Qaṭṭān (1982), matlamat golongan yang tidak berperang di jalan Allah adalah untuk menegakkan kezaliman dan kerosakan. Disebabkan itu, peperangan yang tidak berdasarkan kebenaran sering menghasilkan kezaliman, kerosakan dan kekacauan. Ini kerana *ṭāghūṭ* dan kezaliman merupakan dua unsur yang tidak dapat dipisahkan. Kezaliman dan kemaksiatan mudah ditegakkan apabila wujud golongan yang menjadikan *taghut* sebagai pegangan dan rujukan. Perkara ini hanya boleh dielakkan jika seseorang itu berjuang di jalan Allah dan menjauhi *taghut*.

Unsur kezaliman dan kemaksiatan ini turut direkodkan pada peristiwa di sebalik penurunan ayat 60 surah al-Nisā'. Menurut Ibn 'Āshūr (1984), salah satu peristiwa yang mempunyai kaitan dengan ayat ini ialah peristiwa perbalahan seorang Munafik dengan seorang Yahudi. Kepercayaan orang Yahudi tersebut terhadap Nabi Muhammad menyebabkan beliau menyarankan kepada si Munafik untuk menjadikan Rasulullah sebagai penyelesai kepada perselisihan mereka. Khususnya apabila si Yahudi mengetahui bahawa Nabi Muhammad tidak menerima rasuah dan sekali gus boleh mengelakkan berlaku kezaliman serta penyelewengan. Namun si Munafik enggan untuk merujuk Rasulullah dan mencadangkan agar memilih tukang tilik sebagai ganti kepada Nabi Muhammad. Tindakan orang Munafik ini adalah disebabkan beliau yakin bahawa kebenaran tidak berpihak kepada beliau. Demi menegakkan kezaliman, beliau sanggup membelakangkan Rasulullah dan memilih tukang tilik Yahudi sebagai penyelesai konflik. Ini menunjuk bahawa *taghut* meningkatkan kemungkinan sesebuah kezaliman dan kemaksiatan tertegak.

Contoh *taghut* dalam al-Quran

Terdapat dua individu yang digambarkan al-Quran sebagai *taghut*. Analisa terhadap dua individu tersebut mampu memberikan gambaran jelas tentang entiti yang layak digelar sebagai *taghut*. Secara tidak langsung boleh mengelakkan berlaku penyalahgunaan istilah ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dua individu tersebut ialah:

Namrud

Sejurus selepas ayat berkaitan *taghut* dinyatakan pada ayat 256 dan 257 surah al-Baqarah, al-Quran mendatangkan cerita mengenai Namrud dan Nabi Ibrahim. Menurut (Ibn ʿĀshur, 1984), kisah Namrud yang dikemukakan pada ayat 258 merupakan perumpamaan kepada ayat 257 dan 256. Pada ayat 258, al-Quran menceritakan tentang perdebatan yang berlaku antara Nabi Ibrahim dan Namrud tentang isu ketuhanan. Namrud merupakan antara manusia terawal yang mendakwa dirinya Tuhan (al-Rāzī, 2000; al-Baghawī, 1997). Malah beliau juga melakukan pelbagai usaha agar rakyatnya tidak mempercayai konsep ketuhanan yang dibawa oleh nenek moyang mereka (Van der Toorn & Van der Horst, 1990). Di samping itu beliau juga dikenali sebagai raja zalim yang memerintah secara kejam dan diktator (Ibn Kathīr, 1998). Kekejaman Namrud boleh dilihat melalui tindakan melampau beliau yang sanggup membunuh setiap anak lelaki bagi mengelakkan mimpi buruknya menjadi kenyataan (al-Qurtubī, 1964).

Dapat di simpulkan bahawa Namrud merupakan entiti yang disembah dan diagungkan secara melampaui batas. Beliau juga mengajak rakyat untuk kekal kepada kekufuran dan memaksa golongan yang beriman melakukan kesyirikan. Beliau juga merupakan seorang raja kejam yang tidak merasa bersalah melakukan kezaliman. Ciri-ciri yang dimiliki oleh Namrud ini selaras dengan ciri-ciri *taghut* yang diperkenalkan al-Quran. Disebabkan itu, al-Quran memilih untuk menjadikan Namrud sebagai misalan bagi entiti yang dinamakan *taghut*.

Firaun

Pada ayat 24 surah al-Ṭaha, Nabi Musa diarahkan bertemu dan berdakwah kepada Firaun yang telah melampaui batas. Menurut Ibn Ishāq, firaun yang dimaksudkan bernama al-Walīd bin Musʿab. Beliau merupakan firaun yang paling kejam dan keras hati (al-Rāzī, 2000). Antara kekejaman beliau yang dinyatakan oleh al-Quran ialah penyeksaan terhadap Bani Israel dan pembunuhan anak-anak lelaki Bani Israel. Kezaliman ini berlaku disebabkan beliau bimbang mimpi buruknya menjadi kenyataan (Ibn Kathīr, 1999). Beliau juga mendakwa dirinya sebagai Tuhan yang wajib disembah (al-Saʿdī, 2000). Perkara ini direkodkan dalam ayat 24 surah al-Nāziʿāt dan ayat 38 surah al-Qaṣaṣ. Malah beliau mengazab sesiapa yang beriman

dengan Nabi Musa seperti mana azab yang beliau janjikan kepada para ahli sihir yang beriman dengan Nabi Musa (Ibn Kathīr, 1998) .

Ciri-ciri yang dimiliki oleh Firaun melayakkan beliau digelar sebagai *taghut* (Abū Ḥayyān, 2001; Ibn ʿĀdil, 1998). Beliau merupakan seorang individu yang disembah oleh rakyat dan mengajak rakyatnya kekal dalam kekufuran. Beliau juga meminta golongan beriman dengan Nabi Musa agar turut mempertuhankan dirinya. Beliau juga sentiasa melakukan kezaliman yang melampaui batas khususnya kepada kaum Bani Israel. Kesemua ciri-ciri tersebut mempunyai persamaan dengan konsep *taghut* yang diperkenalkan al-Quran sekali gus menjelaskan faktor penamaan al-Walīd bin Musʿab sebagai *taghut*.

KESIMPULAN

Analisis yang dilakukan pada kajian ini memperlihatkan bahawa konsep sebenar *taghut* ialah sesuatu yang disembah dan diagungkan selain daripada Allah. Mahupun wujud pelbagai tafsiran mengenai ungkapan *taghut*, namun kesemuanya tertumpu pada makna tersebut. Ahli sihir, tukang tilik, berhala, dan syaitan kesemuanya berkongsi profil yang sama, iaitu sesuatu yang diagungkan atau disembah.

Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa perkara lain yang mengkonsepsikan istilah *taghut* ialah pengaruh *taghut* terhadap individu dan masyarakat. Keberhasilan seseorang atau sesuatu menghasilkan pengaruh negatif tersebut menjadi tanda aras yang melayakkan gelaran *taghut* diberikan kepadanya. Ini kerana entiti yang digelar *taghut* menjadi lengkap dan sempurna apabila ia berjaya menyesatkan manusia dan menyebarkan kemaksiatan serta kezaliman di kalangan masyarakat. Tanpa pengaruh tersebut, kewujudan *taghut* dianggap sia-sia dan tidak bermakna.

Kesimpulannya, gelaran *taghut* bukan sebuah gelaran yang mudah diberikan kepada makhluk. Wujud kriteria khusus yang perlu dipenuhi sebelum ia digunakan. Melalui kriteria tersebut, kecairan yang wujud pada makna *taghut* dapat dikawal. Atas dasar itu, mana-mana entiti yang digelar sebagai *taghut* dan tidak memenuhi kriteria yang digariskan perlu diterjemahkan dari sudut perspektif bahasa, iaitu melampaui batas.

RUJUKAN

- Abd al-Bāqī, M. F. (2001). *al-Muḥjam al-Mufahras li Alfāẓ al-Qur'an al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Abū al-Su'ūd, M. (t.th.). *Irshād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm*. Beirut: Dar Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Abū 'Udah, 'Udah Khalīl. (1985). *Al-Taṭawwur al-Dalālī Bayn Lughat al-Shi' al-Jāhilī wa Lughah al-Qur'an al-Karīm. Dirāsah Dalāliyah Muqāranah*. Jordan: Maktabah al-Manār.
- Abū Ḥayyān, M. bin Y. (2001). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Abu Zahrah, M. bin A. (t.th.). *Zahrat al-Tafāsir*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Al-Akhfash, A. al-Ḥassan. (1990). *Ma'ānī al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah al-Khānjī.
- Al-Alūsī, S. al-D. (1415). *Rūh al-Ma'ānī fī tafsīr al-Qur'an al-'Azīm wa al-Sab' al-Mathānī*. (A. A. al-B. Aṭiyyah, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Azharī, M. (2001). *Tahzīb al-Lughah*. Beirut: Dar Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Baghawī, A. -Ḥusayn. (1997). *Ma'ālim al-Tanzīl*. Riyadh: Dār Ṭaybah.
- Al-Baqā'ī, I. (t.th.). *Naẓm al-Durar fī Tanāsuh al-Ayāt wa al-Suwar*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Al-Bayḍāwī, 'Abd Allah. (1418). *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth.
- Al-'Uthaymīn, M. Ṣāliḥ. (2006). Ta'rīf al-Ṭāghūt. Retrieved February 23, 2017, from <http://ar.islamway.net/fatwa/12079/تعريف-الطاغوت>
- Al-'Uwayd, 'Abd al-'Azīz. (1431). *Ṭa'arūḍ Dilālāt al-Alfāẓ wa al-Tarjīḥ Baynahā Dirāsah Uṣūliyah Taṭbiqiyah Muqāranah*. Riyadh: Maktabah Dār al-Minhāj.
- Al-Dāmaghānī, al-Ḥussayn M. (1980). *Qāmūs al-Qur'an aw Iṣlāḥ al-Wujūh wa al-Naẓā'ir fī al-Qur'an al-Karīm* (3rd ed.). Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyin.
- Al-Faqqī, M. Ḥamid. (1957). *Ḥāshiyat Fatḥ al-Majīd Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*. Kaherah: Matba'at al-Sunnah al-Nabawiyah.
- Al-Fawzān, Ṣāliḥ. (2002). *I'ānat al-Mustafīd bi Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd* (3rd ed.). Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Ghalāyībī, M. (1989). *Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyah* (22nd ed.). Beirut: Manshūrāt al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Al-Ḥakmī, Ḥāfiẓ. (1990). *Ma'ārij al-Qabūl bi Sharḥ Sullam al-Wuṣūl ilā 'ilm al-Uṣūl*. Damam: Dār Ibn al-Qayyim.
- Al-Hararī, M. al-A. (2001). *Tafsīr Ḥadā'iq al-Rūḥ wa al-Rayḥān fī Rawābī 'Ulūm al-Qur'an*. Beirut: Dār Ṭawq al-Najāh.
- Al-Iṣfahānī, A.-R. (1997). *Mufradāt Alfāẓ al-Qur'an*. (Ṣafwān Adnān Dawūdī, Ed.). Damsyik: Dār al-Qalam.

- Al-Jawharī, I. (1987). *Al-Ṣiḥḥah Tāj al-Lughah wa Ṣiḥḥah al-ʿArabiyyah*. Beirut: Dār al-ʿIlm li al-Malāyin.
- Al-Jundī, ʿAlī. (1991). *Fī Tārīkh al-Adāb al-Jāhilī*. Kaherah: Dār al-Turāth.
- Al-Kafawī, A. al-B. (1998). *Al-Kulliyāt: Muḥam fi al-Muṣṭalaḥāt wa al-Furūq al-Lughawiyah*. (A. Darūs & M. Al-Miṣriy, Eds.). Beirut: Muʾassasah al-Risālah.
- Al-Mālikī, A. K., & Al-Sulṭanī, Z. ʿAbd al-Ḥussīn. (2005). al-Alfāz al-Islāmiyyah fī Sūrat al-Wāqīʿah. *Majallat Kulliyat Al-Tarbiyyah*, 6, 1-40.
- Al-Nasafī, ʿAbd Allah. (1998). *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Taʿwīl*. Beirut: Dār al-Kalim al-Ṭayyib.
- Al-Qaṭṭān, I. (1982). *Taysīr al-Tafsīr*. Amman: Al-Jamʿiyah al-ʿIlmiyyah al-Malakiyyah.
- Al-Qurṭubī, A. A. M. (1964). *Al-Jāmiʿ li Aḥkām al-Quran* (2nd ed.). Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Rājihī, ʿAlī Abdullah. (2009). Al-Iʿjāz al-Lughawī fi Alfāz al-Tarādūf min al-Qurʾān al-Karīm Dirasah Taṭbīqīyyah fī Lafẓatay al-Shāk wa al-Rayb. *Majalah Al-Ulum Al-Arabiyyah Wa Al-Insaniyyah*, 2(1), 1–25.
- Al-Rassī, M. S. (1433). *Rasāʾil Mutanawwiʿah fī al-Tawḥīd*.
- Al-Rāzī, F. al-D. (2000). *Al-Tafsīr al-Kabīr* (1st ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Saʿdī, A. al-R. (2000). *Taysīr al-Karīm al-Raḥman fī Tafsīr Kalām al-Manān*. t.tp: Muʾassasah al-Risālah.
- Al-Samarqandī, A. al-L. (t.th.). *Baḥr al-ʿUlūm*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Samīn al-Ḥalbī, A. al-ʿAbbas. (1996). *Umdat al-Ḥuffāẓ fī Tafsīr Ashraf al-Alfāẓ*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Saqqāf, ʿAlawī. (t.th.). Al-Nawāqid al-ʿAmaliyyah. Retrieved February 8, 2017, from <http://www.dorar.net/enc/aqadia/3654>
- Al-Shawkānī, M. bin A. (1414). *Fatḥ al-Qadīr*. Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Sīrāfī, A. S. (2008). *Sharḥ Kitāb Sībawayh*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Suyūṭī, A. al-R. (1974). *al-Itqān fī ʿUlūm al-Qurʾān*. (M. A. al-F. Ibrahim, Ed.). t.tp: Al-Hayʾah al-Miṣriyyah al-Ammāh li al-Kitāb.
- Al-Suyūṭī, A. al-R. (1993). *al-Dar al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Maʾthūr*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, M. bin J. (2000). *Jāmiʿ al-Bayān fī Taʿwīl al-Qurʾān*. Beirut: Muʾassasah al-Risālah.
- Al-Thaʿālibī, A. R. (1996). *al-Jawāhir al-Ḥisān fī Tafsīr al-Qurʾān*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Zabīdī, M. (t.th.). *Tāj al-ʿArūs min Jawāhir al-Qāmūs*. Iskandariyah: Dār al-Hidāyah.
- Ālī Firāj, A. Y. (2005). *Al-Mukhtaṣar al-Mufīd fī ʿAqāʾid Aʾimmat al-Tawḥīd*. Beirut: Muʾassasat al-Rayyān.
- Ālī Shaykh, S. (t.th.). *Taysīr al-ʿAzīz al-Ḥamīd fī Sharḥ Kitāb al-Tawḥīd*. Riyadh: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah.

- Angkatan Tentera Malaysia. (2015). *al-Quran Terjemahan*. Kuala Lumpur: Media Digital Printing.
- Badlihisham, M. N. (2015). *ABIM dan PAS dalam Gerakan Dakwah Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, S. A. (2008). *Mushaf Tajwid Berserta Terjemahan Ke Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Bin Bāz, °Abd al-°Azīz, °Afifī, °Abd al-Razzāq, Ghadyān, °Abd Allah, & Qu°ūd, °Abd Allah. (t.th.). Fatwa No. 8008. Retrieved February 23, 2017, from <http://www.alifta.net/Fatawa/Fatwaprint.aspx?language=&id=452&BookID=3§ionid=>
- °Abd Allah, A. T., & °Abd al-°amad, Z. °Abd A. (2011). Lafzātā al-Naf° wa Ḍarr fī al-Qur°ān al-Karīm wa Mushtaqaṭihumā fī al-Qur°ān al-Karīm Dirāsah Dilāliyah. *Majallat Al-Tarbiyyah Wa Al-°ilm*, 18(1), 233–247.
- °Izz al-Dīn, A. (2014). Ma°nā al-Ṭāghūt. Retrieved February 23, 2017, from <http://ar.islamway.net/article/41009/معنى-الطاغوت>
- Dawam, R. (1996). *Ensiklopedia al-Quran Tafsir Sosial berdasarkan Konsep-Konsep Kunci*. Jakarta: Paramadina.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Selangor: Utusan Printcorp.
- Elsaid, M. B., & Muhammad, A. H. (2008). *Arabic - English Dictionary of Qur°anic Usage*. Leiden: Koninklijke Brill NV.
- Fernandez, A. M. (2015). Islamic Words That Kill. Retrieved January 12, 2017, from <https://www.memri.org/reports/islamic-words-kill>
- Hamka, A. M. (1988). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibn al-Jawzī, A. al-R. (1422). *Zād al-Masīr fī °ilm al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Kitāb al-°Arabiyy.
- Ibn al-Jawzī, A. al-R. (1984). *Nuzhat al-A°yun al-Nawā°ir fī °ilm al-Wujūh wa al-Nazā°ir*. (1st ed.). Beirut: Mu°assasah al-Risālah.
- Ibn al-Qayyim, M. bin A. B. (1973). *I°lām al-Mawqī °in °an Rab al-°Ālamīn*. Beirut: Dār al-Jayl.
- Ibn al-Sirāj, A. B. (1988). *Al-Uṣūl fī al-Naḥw*. Beirut: Mu°assasah al-Risālah.
- Ibn °Ādil, U. bin A. (1998). *Al-Lubāb fī °Ulūm al-Kitāb*. Beirut: Dār al-Kutub al°Ilmiyah.
- Ibn °Āshur, M. al-Ṭāhir. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Al-Dār al-Tunisiyah.
- Ibn °Aṭiyyah, A. M. (1422). *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-°Azīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyah.
- Ibn Fāris, A. (1979). *Mu°jam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, A. (1379). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukḥārī*. Beirut: Dār al-Ma°rifah.
- Ibn Ḥazm, °Alī. (t.th.). *Al-Faṣl fī al-Milal wa al-Ahwā° wa al-Niḥal*. Kaherah: Maktabah al-Khānjī.
- Ibn Kathīr, A. al-F. (1998). *Al-Bidāyah al-Nihāyah*. (A. A. al-W. Fatīh, Ed.) (5th ed.). Kaherah: Dār al-Hadith.
- Ibn Kathīr, A. al-F. (1999). *Tafsīr al-Qur°an al-°Azīm*. t.tp: Dār Ṭaybah.

- Ibn Manẓur, M. M. (t.th.). *Lisān al-ʿArab* (1st ed.). Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Ibn Taymiyyah, A. bin A. H. (2005). *Majmūʿ al-Fatāwā*. Kaherah: Dār al-Wafāʿ.
- Jahid, S. (2004). *Berpawang dan Bersahabat dengan Jin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- M.Quraish, S. (2000). *Tafsir al-Mishbah Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Indonesia: Lentera Hati.
- Mohd Rosmizi, A. R., Wan Mohd Fazrul Azdi, W. R., Marina Munira, A. M., & Roslizawati, M. R. (2011). *Agama-agama di Dunia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mukarram, A. al-ʿĀl S. (1996). *al-Kalimāt al-Islāmiyyah fī al-Ḥaql al-Qurʾānī*. Beirut: Muʿassasah al-Risālah.
- Nawfal, ʿAbd al-Razzāq. (1981). *Al-Tārūt wa Siḥr Hārūt wa Mārūt*. Kaherah: Muʿassasah Akhbār al-Yawm.
- Sayd Qutb, I. (1412). *Fī Zilāl al-Qurʾan*. Beirut: Dār al-Shurūq.
- Ṣibawayh, ʿAmrū. (1988). *Al-Kitāb*. Kaherah: Maktabah al-Khānjī.
- Ṭanṭāwī, M. S. (1997). *Al-Tafsīr al-Wasīṭ li al-Quran al-Karīm*. Kaherah: Dār Nahḍah.
- van der Toorn, K., & van der Horst, P. W. (1990). Nimrod before and after the Bible. *Harvard Theological Review*, 83, 1–29.
- Wittgenstein, L. (1958). *Philosophical Investigations*. (G. E. M. Anscombe, Ed.). Oxford: Basil Blackwell.
- Yayasan Restu. (2005). *al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. Shah Alam: Yayasan Restu.

Rasyad Afif Ibrahim
 Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43650, Bangi, Selangor, Malaysia
 Email: rasyad0904@gmail.com

Muhd Najib Abdul Kadir (Dr, Profesor)
 Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43650, Bangi, Selangor, Malaysia.

Haziyah Hussin (Dr, Pensyarah Kanan)
 Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43650, Bangi, Selangor, Malaysia.